



# LAPORAN

## LATIHAN MELAWAN TUMPAHAN MINYAK

(NATIONAL OIL COMBAT, NOC 2012)



**18 - 22 Jun 2012**  
**Kota Kinabalu, Sabah**



# KANDUNGAN

<b>Perkara</b>	<b>Muka surat</b>
SENARAI KANDUNGAN	1
SENARAI SINGKATAN	3
SENARAI RAJAH	4
RINGKASAN EKSEKUTIF	5
PERUTUSAN KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA	7
DARI MEJA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH	8
Pengenalan Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan 2012	9
A) Latar Belakang	9
B) Objektif Latihan	10
C) Pemilihan Lokasi Latihan	10
D) Pembentukan Jawatankuasa dan Peranannya	12
I) Jawatankuasa Pemandu	12
II) Jawatankuasa Senario dan Skrip Latihan	12
III) Jawatankuasa Pelaksana Peringkat Negeri	12
IV) Jawatankuasa Latihan di Laut	13
<b>STRUKTUR PROGRAM DAN LATIHAN</b>	14
A) Aturcara Program	14
B) Tempoh dan Struktur Latihan	17
C) Peringkat Latihan	19
D) Penglibatan Peserta Pelbagai Agensi	19
<b>RINGKASAN LATIHAN HARI PERTAMA</b>	22
A) Upacara Perasmian Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan 2012	22
B) Sesi Ceramah	22
C) <i>Table-Top Exercise Briefing</i>	27
<b>RINGKASAN LATIHAN HARI KEDUA</b>	28
A) <i>Table Top Exercise</i>	28
B) Senario Latihan <i>Table Top Exercise</i>	28
C) Mobilisasi Tindakan dan Pembahagian Kumpulan	30
I) Mobilisasi Tindakbalas Peringkat Pertama	30
II) Mobilisasi Tindakbalas Peringkat Kedua	30
III) Mobilisasi Jawatankuasa Pembersihan Pantai	31
IV) Pembahagian Kumpulan	31



D) Laporan <i>Rapporteur</i> Setiap Kumpulan	32
I) Pelabuhan Teluk Sepanggar (PSB) ( <i>Tier 1</i> )	32
II) <i>Beach Clean Up Coordinator</i> (BCUC)	34
III) <i>State Oil Spill Control Committee</i> (SOSCC)	36
IV) <i>National Oil Spill Control Committee</i> (NOSCC)	38
E) Sesi <i>Post Mortem</i>	41
I) Ulasan Setiap Pengerusi Kumpulan	41
II) Ulasan Jawatankuasa <i>Controller &amp; Evaluator</i>	42
III) Penambahbaikan Yang Dicadangkan oleh Jawatankuasa <i>Controller &amp; Evaluator</i>	43
IV) Sesi Soal Jawab	45
F) <i>Deployment Exercise Briefing</i>	45
<b>RINGKASAN LATIHAN HARI KETIGA</b>	46
A) <i>Deployment Exercise</i>	46
B) Senario <i>Deployment Exercise</i>	48
C) Mobilisasi Tindakan Dan Pembahagian Kumpulan	49
I) Mobilisasi Tindakbalas Peringkat Pertama	49
II) Mobilisasi Tindakbalas Peringkat Kedua	50
III) Pembahagian Kumpulan	50
D) Ulasan <i>Deployment Exercise</i> oleh Jabatan Laut Sabah.	50
E) Sesi Soal Jawab	50
F) Majlis Penutup	51
<b>RINGKASAN PENILAIAN KURSUS OLEH PESERTA</b>	52
<b>SEKALUNG PENGHARGAAN</b>	53
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	54



## SENARAI SINGKATAN

APMM	-	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia
BCUC	-	Beach Clean-Up Committee
DBKK	-	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
DOE (JAS)	-	Department Of Environment (Jabatan Alam Sekitar)
JKR	-	Jabatan Kerja Raya
JPAS	-	Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah
JPDS	-	Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah
KKTP	-	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
LPPS	-	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah
NOSCC	-	National Oil Spill Control Committee
PDRM	-	Polis Diraja Malaysia
PGM Polis	-	Pasukan Gerakan Marin Polis
PGU Polis	-	Pasukan Gerakan Udara Polis
SKN	-	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
SOSCC	-	State Oil Spill Control Committee (JON)
TLDM	-	Tentera Laut Diraja Malaysia
TUDM	-	Tentera Udara Diraja Malaysia



# SENARAI RAJAH

<b>Perkara</b>		<b>Muka surat</b>
<b>Rajah 1</b>	- Bilangan Peratusan Peserta Yang Mengikuti Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan	20
<b>Rajah 2</b>	- Bilangan Peserta Dan Krew Kapal Yang Terlibat Dalam Latihan Mobilisasi Peralatan Di Laut	20
<b>Rajah 3</b>	- Analisa Penglibatan Peserta Dari Agensi Kerajaan Dan Swasta Secara Terperinci	20
<b>Rajah 4</b>	- Lokasi Pelanggaran Kapal Dan Tumpahan Minyak	29
<b>Rajah 5</b>	- Lokasi Pergerakan Tumpahan Minyak	29
<b>Rajah 6</b>	- Kawasan <i>Deployment Exercise</i>	48
<b>Rajah 7</b>	- Statistik Maklumbalas Borang Penilaian Kursus/Latihan	52
<b>Rajah 8</b>	- Penilaian Peserta Bagi <i>Table Top Exercise</i>	52
<b>Rajah 9</b>	- Penilaian Peserta Bagi Perkhidmatan Dan Kemudahan Latihan	52



Negeri Sabah buat pertama kalinya telah dipilih sebagai tuan rumah Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan Tahun 2012. Beberapa jawatankuasa khas telah dibentuk antaranya, Jawatankuasa Pemandu, Jawatankuasa Senario dan Latihan, dan Jawatankuasa Kecil Pelaksanaan bagi merealisasikan latihan ini dengan jayanya. Modul latihan khusus melibatkan sesi ceramah, *Table Top Exercise* dan Latihan Mobilisasi Peralatan (*Deployment Exercise*) di laut.

Latihan ini telah dirancang dan distrukturkan bagi tempoh masa selama 3 hari bermula pada 19 sehingga 21 Jun 2012. Hotel The Pacific Sutera Harbour, Sabah telah menjadi tempat rasmi latihan dan penginapan para peserta. Latihan ini bermula dengan pendaftaran para peserta pada 18 Jun 2012 bermula jam 2 petang. Di samping itu, beberapa agensi kerajaan dan swasta turut mengambil bahagian dalam latihan pada kali dengan membuat pameran informasi antaranya Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Gerakan Marin Polis dan Petrojadi Sdn. Bhd. Bagi tujuan hebahan dan pendidikan kepada awam, Radio Television Malaysia (RTM) Sabah turut membuat liputan sepanjang latihan ini berlangsung.

Pada hari pertama, 19 Jun 2012, para peserta mengikuti sesi ceramah yang disampaikan oleh pakar-pakar daripada agensi utama dalam pengurusan kejadian bencana di laut akibat tumpahan minyak antaranya Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Meteorologi Malaysia, Jabatan Alam Sekitar Malaysia, Petronas Carigali Sdn. Bhd. dan Petroleum Industry of Malaysia Mutual Aid Group (PIMMAG). Semua ceramah yang disediakan adalah menjurus kepada persiapan melawan tumpahan minyak yang melibatkan semua agensi kerajaan dan swasta, penerangan mengenai perundangan yang berkaitan, tindakan dan tanggungjawab syarikat pencemar, pengurusan sisa buangan berminyak, tugas dan peranan Jabatan penguatkuasaan, sokongan dan orang awam. Sesi ceramah berakhir dengan penerangan dan pembahagian kumpulan sebagai persediaan '*Table-Top Exercise*'.

Pada sebelah malam, 19 Jun 2012, Majlis Perasmian Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan Tahun 2012 telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia, Dr. Zulkifli Bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Sebagai menghargai penglibatan semua pihak dalam latihan ini, pihak penganjur telah mengadakan majlis perasmian ini secara eksklusif di kawasan taman hotel berlatarbelakangkan pemandangan tepi laut yang indah kepada para jemputan dan peserta latihan dengan menikmati sajian makanan tradisional dan persembahan tarian kebudayaan Negeri Sabah.

Pada hari kedua, 20 Jun 2012, *Table Top Exercise* diadakan. Semua peserta dipecahkan kepada 4 kumpulan utama iaitu *National Oil Spill Control Committee* (NOSCC), *State Oil Spill Control Committee* (SOSCC), *Beach Clean - Up Committee* (BCUC) dan Jawatankuasa *Tier 1*. Manakala Pasukan *Controller and Evaluator* pula akan memberikan input-input tambahan daripada senario asal dan 4 kumpulan perlu memberi tindakbalas pantas terhadap senario terkini. Latihan ini dijalankan dalam bilik-bilik seminar di mana setiap kumpulan akan berada bilik seminar berlainan. Setiap kumpulan berhubung melalui telefon dan penghantaran dan



penerimaan dokumen adalah melalui *runner* yang disediakan. Setiap kumpulan akan mempunyai seorang pengerusi dan *rappporteur*. *Table Top Exercise* ini diadakan bagi menguji pelan tindakan tumpahan minyak peringkat *Tier 1* dan *Tier 2* serta keberkesanan komunikasi dan tindakbalas bagi semua agensi yang terlibat dalam kawalan tumpahan minyak.

Selepas selesai *Table Top Exercise* ini, semua pengerusi kumpulan akan berkumpul dan dikehendaki memberi ulasan hasil latihan ini kepada Pasukan *Controller and Evaluator*. Semua hasil ulasan ini termasuk komen daripada Pasukan *Controller and Evaluator* akan dibentangkan pada sesi petangnya. Pada masa tersebut, setiap ahli kumpulan juga diberi peluang untuk memberi ulasan dan komen hasil latihan *Table Top Exercise* yang telah berjaya diadakan pada sesi pagi tersebut. Sesi soal jawab juga dibuka bagi menambah baik lagi peranan jawatankuasa yang dimainkan dalam *Table Top Exercise* agar tindakan terbaik dapat dilakukan apabila menghadapi situasi sebenar. Sebelum sesi latihan *Table Top Exercise* berakhir, penerangan bagi Latihan Mobilisasi Peralatan (*Deployment Exercise*) disampaikan wakil pegawai dari Jabatan Laut Sabah yang antara lain menerangkan tujuan latihan tersebut adalah untuk menguji koordinasi setiap agensi dalam kawalan tumpahan minyak, mendedahkan peserta latihan kepada aktiviti sebenar "*Deployment of OSR Equipment*" dan menguji komunikasi antara jabatan. Pada sebelah malam 20 Jun 2012, semasa jamuan makan malam diadakan, satu acara simbolik pelantikan dan penyerahan tugas sebagai "*On Scene Comander*" iaitu En. Mohd Shamsol Farid Mohd Omar, dari Jabatan Laut Sabah.

Pada hari ketiga, 21 Jun 2012, Pelabuhan Teluk Sepanggar dipilih sebagai lokasi bagi Latihan Mobilisasi Peralatan "*Deployment Exercise*" di laut sehingga ke tahap *Tier 3*. *Deployment Exercise* dijalankan dengan bantuan daripada Jabatan Laut Sabah, Pasukan Gerakan Udara Sabah, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Sabah Ports Sdn. Bhd. (Sepanggar Bay Oil Terminal), Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah, Kota Kinabalu, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Kota Kinabalu, Taman-Taman Sabah dan Pasukan Gerakan Marin, Sabah. Latihan ini dilakukan bagi mendedahkan para peserta kepada peralatan melawan tumpahan minyak, kerja-kerja '*deployment*' seperti *boom* dan *skimmer*, pembentukkan formasi *boom* dan koordinasi aset di laut termasuk tinjauan melalui udara menggunakan pesawat '*fix wing*' oleh Pasukan Gerakan Udara, PDRM serta komunikasi. Para peserta juga berpeluang menaiki kemudahan tersebut dan melibatkan peralatan seperti *boom*, *oil skimmer*, *absorbent*, pam udara, *fast tank*, *storage tank*, alat penyembur *dispersant* dan lain-lain.

Pada petangnya, semua peserta mendengar ulasan mengenai *Deployment Exercise* yang diberikan oleh Jabatan Laut Sabah yang bertindak sebagai *On Scene Commander*. Sesi soal jawab juga dibuka bagi menambah baik lagi tindakan melawan tumpahan minyak menggunakan peralatan dan kemudahan yang ada apabila menghadapi situasi sebenar.

Majlis Penutupan Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan Tahun 2012 ini diadakan pada malam 21 Jun 2012, di Ballroom Magelan Sutera dan ucapan perasmian penutupan telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Puan Halimah Hassan, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. Pada majlis penutup tersebut, Yang Berbahagia, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia juga sudi menyempurnakan penyampaian sijil penyertaan kepada wakil setiap jabatan yang hadir.



# PERUTUSAN KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA

Assalamualaikum dan Salam Satu Malaysia. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah izinNya kita berjaya menganjurkan Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan 2012.

Pada tahun ini, Negeri Sabah telah dipilih sebagai tuan rumah bagi tujuan latihan. Ini adalah bertepatan kerana menyedari akan pembangunan yang pesat dan peningkatan aktiviti marin, antaranya seperti aktiviti petroleum dan gas diluar persisiran pantai negeri ini yang berpotensi mengancam alam sekitar sekiranya berlaku kejadian bencana alam sekitar akibat berlakunya tumpahan minyak di laut dan seumpamanya.



Tambahan pula, Negeri Sabah terkenal dengan aktiviti ekopelancongan yang berprestij serta taman-taman laut yang merupakan kawasan sensitif alam sekitar yang perlu dilindungi daripada sebarang ancaman bencana tumpahan minyak.

Jabatan Alam Sekitar selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak Kebangsaan dipertanggungjawabkan untuk menyelaras tindakan menangani tumpahan minyak di bawah Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (RKKKTM). RKKKTM telah dibentuk sejak tahun 1976 dan antara objektifnya ialah mengadakan sistem tindakbalas menghadapi tumpahan minyak, mempertingkatkan kemampuan sumber dan kakitangan menangani tumpahan minyak serta mengelakkan impak ke atas alam sekitar. Latihan melawan tumpahan minyak ini merupakan satu usaha untuk menguji keberkesanan, keupayaan kesiapsiagaan dan koordinasi anggota atau ahli di bawah RKKKTM yang terdiri dari agensi-agensinya kerajaan dan swasta.

Saya yakin dan berharap melalui latihan ini, semua pihak yang terlibat akan mendapat pendedahan dan manfaat secukup-cukupnya. Melalui latihan ini juga, semua pihak akan dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan dalam menangani kejadian tumpahan minyak serta berupaya memberi sumbangan yang terbaik, tidak mengira masa dan tempat berlakunya kejadian tumpahan minyak pada masa hadapan.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua agensi yang mengambil bahagian di dalam Latihan Melawan Tumpah Minyak Peringkat Kebangsaan 2012. Semoga segala tanggungjawab yang diamanahkan dan usaha murni kita diberkati Allah S.W.T. bagi melindungi alam sekitar kita untuk dinikmati bersama masa kini dan akan datang.

**(HALIMAH BT. HASSAN)**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Malaysia



## DARI MEJA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR SABAH



Assalamualaikum Warahmatulullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapatlah Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan (National Oil Combat) 2012 berjaya diadakan di Negeri Sabah. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Yang Berbahagia Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (JKKTM) kerana telah memberi kepercayaan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah dan Negeri Sabah khususnya untuk menjadi tuan rumah pada tahun ini.

Latihan kali ini adalah untuk menguji keberkesanan dan kemampuan Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (RKKKTM) dalam menyelaraskan dan berkomunikasi semasa melawan tumpahan minyak di antara agensi-agensi kerajaan dan badan-badan swasta yang terlibat dalam mengawal tumpahan minyak bagi sebarang kejadian di laut. Selain itu ianya juga adalah untuk menguji kesediaan tindakbalas peringkat pertama (*Tier 1*) dan keperluan penyediaan Rancangan Kontingensi Peringkat Negeri (*Tier 2*) serta menguji hubungan komunikasi dan kesediaan tindakbalas Pelan Tindakan Pembersihan Pantai Akibat Tumpahan Minyak bagi Negeri Sabah.

Akhir kata, seluruh warga Jabatan Alam sekitar Negeri Sabah ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan (*National Oil Combat*) Tahun 2012.

**(HJ. ABDUL RAZAK BIN HJ. ABDUL MANAP)**

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Sabah



## A) Latar Belakang

Program Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan adalah bertujuan untuk menguji keberkesanan dan kemampuan Rancangan Kontigensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (RKKKTM) dalam menyelaraskan dan berkomunikasi semasa melawan tumpahan minyak di antara agensi-agensi kerajaan dan badan swasta yang terlibat dalam mengawal tumpahan minyak meliputi semua kawasan perairan Malaysia termasuk Zon Ekonomi Eksklusif di Selat Melaka dan Laut China Selatan, Bahagian Teluk Brunei, perairan Sabah, Sarawak dan Laut Sulawesi.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (JKKTM) yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir serta penyelarasan tindakan di bawah RKKKTM di Malaysia, maka beberapa Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan telah dianjurkan dengan kerjasama dan komitmen daripada ahli-ahli JKKTM. JAS telah mendapatkan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia ke-9 bagi tujuan penganjuran latihan ini. Antara latihan yang telah berjaya diadakan adalah di Melaka pada 1984, Johor (1990 dan 2005), Port Dickson (1994), Kuantan (2000), Miri, Sarawak dan Kerteh, Terengganu (2008) dan Pulau Pinang (2010).



Latihan sebegini merupakan satu platform yang paling sesuai dan amat diperlukan bagi semua ahli JKKTM, Jawatankuasa Operasi Negeri (JON), Kontraktor dan Jawatankuasa Pembersihan Pantai dapat berkumpul bersama untuk menguji sistem komunikasi atau perhubungan yang berkesan antara satu sama lain, memahami lebih mendalam tentang peranan masing-masing apabila berlakunya sesuatu kejadian tumpahan minyak dan berkongsi pengalaman serta pengetahuan untuk melawan tumpahan minyak.

Selain itu, latihan ini juga dapat meningkatkan kemahiran penggunaan peralatan kawalan tumpahan minyak, penyediaan sistem komunikasi yang baik dan kaedah-kaedah mengawal tumpahan minyak yang betul bagi memastikan semua pihak yang terlibat sentiasa bersedia dan berkemahiran tinggi.



## B) Objektif Latihan

Antara objektif latihan yang telah ditetapkan pada tahun ini adalah untuk:-

- a. Menguji kesediaan tindakbalas peringkat pertama (*Tier 1*);
- b. Menguji kesediaan dan keperluan penyediaan rancangan kontigensi peringkat negeri (*Tier 2*);
- c. Menguji kesediaan tindakbalas pembersihan pantai peringkat negeri;
- d. Menguji penyelarasan rancangan kontigensi peringkat kebangsaan (*Tier 3*) ; dan
- e. Menguji sistem perhubungan dan tindakbalas bagi semua agensi yang terlibat dalam kawalan tumpahan minyak.

## C) Pemilihan Lokasi Latihan

Sabah – “*Land Below The Wind*” telah dipilih sebagai lokasi latihan berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- i. Latihan pada peringkat kebangsaan belum pernah diadakan dalam perairan Negeri Sabah;
- ii. Negeri Sabah mempunyai khazanah alam semulajadi seperti terumbu karang, hidupan laut dan sebagainya yang sangat penting dalam industri *eco-tourism*;



iii. Negeri Sabah mempunyai persisiran pantai lebih kurang sepanjang 4500 km, termasuk pulau-pulau dan lagon yang penuh dengan khazanah alam semulajadi seperti hutan paya bakau dan taman-taman negara;



iv. Kedudukannya sebagai pelabuhan utama negara yang menjadi tempat persinggahan kapal-kapal dari seluruh dunia yang membawa pelbagai bahan-bahan seperti minyak, bahan kimia dan lain-lain bahan-bahan berbahaya; dan



v. Risiko insiden tumpahan minyak yang tinggi boleh berlaku di perairan Negeri Sabah disebabkan perkembangan aktiviti eksplorasi, penyaluran dan penapisan minyak dan gas yang sedang dibangunkan antaranya *Projek Oil And Gas Industry Complex (SOGIC)*;



Oleh itu, Pelabuhan Teluk Sepanggar dipilih sebagai lokasi bagi latihan mobilisasi “*Deployment Exercise*” di laut berdasarkan kesesuaiannya dari segi sistem komunikasi untuk menguji sistem perhubungan dan tindak balas RKKKTM, kemudahan pergerakan peralatan-peralatan kawalan tumpahan minyak dan pengendalian media semasa krisis.



## **D) Pembentukan Jawatankuasa dan Peranannya**

### **I) Jawatankuasa Pemandu**

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia dan dianggotai oleh 18 wakil agensi dibawah RKKKTM. Jawatankuasa-jawatankuasa latihan yang turut ditubuhkan antaranya :-

- i. Jawatankuasa Teknikal (Senario & Skrip);
- ii. Jawatankuasa Pelaksana Peringkat Negeri; dan
- iii. Jawatankuasa Kecil Latihan di Laut

Jawatankuasa Pemandu berperanan untuk menyelaras tugas jawatankuasa-jawatankuasa latihan tersebut dan mendapatkan bantuan daripada agensi berkaitan.

### **II) Jawatankuasa Senario dan Skrip Latihan**

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Air & Marin dan dianggotai oleh pakar-pakar atau mereka yang berpengalaman dalam latihan sama ada daripada agensi kerajaan atau swasta. Jawatankuasa ini berperanan merangka cadangan bentuk latihan yang akan dijalankan termasuk pengisian latihan.

### **III) Jawatankuasa Pelaksana Peringkat Negeri**

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah JAS Negeri Sabah dan dianggotai oleh pegawai & kakitangan JAS dan agensi berkaitan di peringkat negeri. Jawatankuasa ini berperanan untuk menubuhkan beberapa jawatankuasa kecil diperingkat negeri untuk menguruskan hal-hal berkaitan latihan.



#### IV) Jawatankuasa Latihan di Laut

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pegawai Jabatan Laut Sabah yang dianggotai oleh pakar-pakar yang berpengalaman dalam latihan di laut (*OSR Deployment*). Jawatankuasa ini berperanan merancang keperluan peralatan, kakitangan dan logistik untuk latihan di laut melibatkan penggunaan peralatan kawalan tumpahan minyak (*deployment*).



**Lampiran 1** menunjukkan jawatankuasa-jawatankuasa utama yang dibentuk termasuk jawatankuasa penganjuran Latihan ini.



# STRUKTUR PROGRAM DAN LATIHAN

## A) Aturcara Program

**Aturcara Program**  
**Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan**  
Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu, Sabah  
18 Jun – 22 Jun 2012

### Hari Pendaftaran: Isnin, 18 Jun 2012

Masa	Aturcara
------	----------

1400	Ketibaan dan pendaftaran peserta di Hotel Sutera Harbour, Kota Kinabalu
------	---

### Hari Pertama: Selasa, 19 Jun 2012

Masa	Aturcara
------	----------

0800	Pendaftaran
0830	Nyanyian Lagu Negaraku & Sabah Tanah Airku
0835	Bacaan doa dan taklimat keselamatan
0840	Ucapan alu-aluan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah
0850	Perasmian “National Oil Combat 2012” Kota Kinabalu, Sabah oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Malaysia.

### Sesi Pertama

0900	Persembahan video “ <i>Beneath The Waves</i> ” oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah / Sabah Parks
0915	<i>Overview of the National Oil Spill Contingency Plan (NOSCP)</i> oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Malaysia
0945	<i>Marine Department’s Role in Oil Spill Response: Expectations &amp; Challenges</i> oleh Jabatan Laut Malaysia
1015	Sesi Bergambar
1030	Minum pagi



### Sesi Kedua

- |      |  |
|------|--|
| 1045 | <i>OSR Recovery Equipment</i><br>oleh PIMMAG                   |
| 1130 | <i>Incident Command System (ICS)</i><br>oleh PETRONAS          |
| 1215 | <i>Oil Spill Modeling</i><br>oleh Jabatan Meteorologi Malaysia |
| 1300 | Makan tengahari  |

### Sesi Ketiga

- |      |   |
|------|---|
| 1400 | <i>Environmental Sensitive Index (ESI)</i><br>oleh PETRONAS                 |
| 1430 | <i>Oil Spill Claims and Compensation</i><br>oleh Jabatan Laut Malaysia      |
| 1500 | <i>Types of Shoreline &amp; Shoreline Clean Up</i><br>oleh PIMMAG           |
| 1530 | <i>Waste Management &amp; Disposal</i><br>oleh JAS Negeri Sabah             |
| 1600 | Minum Petang  |
| 1615 | <i>Quantification &amp; Plotting Trajectory of Oil Slick</i><br>oleh PIMMAG |
| 1700 | <i>Table-Top Exercise Briefing</i><br>oleh PETRONAS                         |
| 1730 | Tamat program hari pertama  |
| 1930 | Makan malam ( <i>Welcoming Dinner</i> di Hotel)                             |



## Hari Kedua: Rabu, 20 Jun 2012

Masa	Aturcara
0830	<i>Assemble for Table-Top Exercise &amp; break-out groups</i> oleh Jabatan Alam Sekitar / <i>Controller</i> Latihan
0845	<i>Table-Top Exercise Activation</i> oleh <i>Controller</i> Latihan
1030	Minum pagi disertakan semasa latihan dijalankan
1300	Makan tengahari
1430	<i>Team presentations - NOSCC, SOSCC, Beach Clean-up Committee, Tier 1 SP &amp; OSC</i> Jabatan Laut oleh Jabatan Alam Sekitar / <i>Controller</i> Latihan
1530	<i>Exercise Debrief</i> dan sesi soal jawab oleh Jabatan Alam Sekitar / <i>Chief Controller</i> Latihan
1600	Minum petang
1630	Taklimat latihan hari ketiga oleh Jabatan Laut Malaysia (Wilayah Sabah)
1930	Makan malam di hotel

## Hari Ketiga: Khamis, 21 Jun 2012

Masa	Aturcara
0700	Berkumpul dan bertolak ke lapangan Oleh Jabatan Alam Sekitar / Jabatan Laut Malaysia (Wilayah Sabah)
0800	<i>Boarding of vessels &amp; safety briefing by masters</i>
0900	<i>Deployment Exercise Activation</i> oleh Jabatan Laut Malaysia (Wilayah Sabah)
1000	<i>Working tea break provided on-board during exercise</i>
1200	Perjalanan balik ke hotel
1300	Makan tengahari



1430	<i>Team presentations from Tier 1 IMT (SBP) &amp; OSC MARDEP</i> oleh Jabatan Alam Sekitar / Jabatan Laut Malaysia (Wilayah Sabah) / Sabah Port Authority
1530	<i>Overall Exercise Debrief</i> oleh Jabatan Alam Sekitar / <i>Chief Controller</i>
1600	Minum petang
1930	Makan malam oleh SHELL Malaysia
2000	Majlis penutup & penyampaian sijil
2130	Majlis tamat



## B) Tempoh Dan Struktur Latihan

Latihan pada kali ini telah dirancang dan distrukturkan untuk tempoh masa selama 3 hari. Modul latihan melibatkan sesi ceramah sepanjang hari pertama; *Table Top Exercise* sepanjang hari kedua; dan Latihan Mobilisasi Peralatan (*Deployment Exercise*) di laut sepanjang hari ketiga.





Pada hari pertama, para peserta mendengar ceramah yang disampaikan oleh penceramah-penceramah daripada agensi-agensi seperti PIMMAG, Petronas Carigali, Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Meteorologi Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Semua ceramah yang disediakan adalah menjurus kepada persiapan melawan tumpahan minyak yang melibatkan semua agensi kerajaan dan swasta, tindakan syarikat pencemar, jabatan penguatkuasaan, jabatan sokongan dan orang awam. Sesi ceramah juga menyatakan kepentingan perancangan dan strategi berkesan melawan tumpahan minyak yang melibatkan perkara logistik, perancangan, operasi dan kewangan. pemilihan penggunaan peralatan yang sesuai ketika kerja-kerja pengepungan, pengutipan, pembersihan, pengumpulan dan pelupusan perlu diambilkira. Semua kerja-kerja melawan tumpahan juga tidak lepas daripada perundangan JAS, Jabatan Laut dan Jabatan Kerajaan yang lain.

Pada hari kedua, semua peserta dipecahkan kepada 4 kumpulan utama iaitu *National Oil Spill Control Committee* (NOSCC), *State Oil Spill Control Committee* (SOSCC), *Beach Clean-Up Committee* (BCUC) dan Jawatankuasa *Tier-1*. Manakala Pasukan *Controller* dan *Evaluator* pula akan memberikan input-input tambahan daripada senario asal dan 4 kumpulan perlu memberi tindakbalas pantas terhadap senario terkini. Latihan ini diadakan bagi menguji pelan tindakan tumpahan minyak peringkat *Tier 1* dan *Tier 2* serta keberkesanan komunikasi dan tindakbalas bagi semua agensi yang terlibat dalam kawalan tumpahan minyak. Latihan ini juga menguji tindakbalas pantas Jabatan-Jabatan Kerajaan menghadapi tumpahan minyak dan tindakan



melawan tumpahan yang sesuai hanya dibuat melalui komunikasi berkesan di antara 4 kumpulan tersebut. Pada petangnya, semua kumpulan memberi ulasan mengenai *Table Top Exercise* dan ulasan keseluruhan akan diberikan oleh Pasukan *Controller and Evaluator*. Sesi soal jawab juga dibuka bagi menambahbaik lagi peranan jawatankuasa tersebut dalam melakukan tindakan terbaik apabila menghadapi suasana sebenar.

Pada hari ketiga, Latihan Mobilisasi Peralatan (*Deployment Exercise*) dijalankan di laut dengan bantuan daripada Jabatan Laut Sabah, Pasukan Gerakan Udara Sabah PDRM, Sabah Ports Sdn. Bhd. (Sapanggar Bay Oil Terminal), Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah Kota Kinabalu, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Kota Kinabalu, Taman Taman Sabah dan Pasukan Gerakan Marin Sabah, PDRM. Latihan ini dilakukan bagi mendedahkan para peserta kepada peralatan melawan tumpahan minyak dan kemudahan lain seperti kapal laut, helikopter dan botsebenar yang digunakan. Para peserta berpeluang menaiki kemudahan tersebut dan melihat peralatan seperti *boom*, *oil skimmer*, *absorbent*, pam udara, *fast tank*, *storage tank*, alat penyembur *dispersant* dan lain-lain. Pada petangnya, semua peserta mendengar ulasan mengenai *Deployment Exercise* yang diberikan oleh Jabatan Laut Sabah yang bertindak sebagai *On Scene Commander*. Sesi soal jawab juga dibuka bagi menambahbaik lagi tindakan melawan tumpahan minyak menggunakan peralatan dan kemudahan yang ada apabila menghadapi suasana sebenar.

### C) Peringkat Latihan


Sasaran utama dalam sesi latihan ini ialah penyelarasan di Peringkat Pertama (*Tier-1*) iaitu Tindakan Tempatan dan Peringkat Kedua (*Tier-2*) iaitu Tindakan Negeri. Tindakan pada peringkat kedua ini akan digerakkan dan dilaksanakan oleh pengerusi Jawatankuasa Operasi Negeri (JON) yang dipengerusikan oleh Pengarah JAS Negeri Sabah, setelah didapati keupayaan kakitangan dan peralatan Peringkat Pertama (pelabuhan, terminal dan lain-lain) tidak mencukupi bagi mengawal tumpahan dan bantuan dari negeri lain diperlukan.

### D) Penglibatan Peserta Pelbagai Agensi


Jumlah peserta yang terlibat dalam latihan ini adalah seramai 132 orang peserta di mana 64 peserta (49%) dari JAS, 49 peserta (37%) dari agensi kerajaan yang lain dan bakinya 19 peserta (14%) dari agensi swasta (**Rajah 1**). Oleh itu, jumlah peserta dari agensi kerajaan ialah 113 peserta (86%), manakala dari agensi swasta 19 peserta (14%). Peserta ini mengikuti sesi ceramah pada hari pertama dan *Table Top Exercise* pada hari kedua. Latihan Mobilisasi Peralatan di laut pada hari ketiga melibatkan ke semua 132 peserta (JAS, 27% dan agensi lain, 29%) serta bantuan daripada 103 krew kapal (44%) yang melaksanakan kerja-kerja dan mengendalikan aset-aset melawan tumpahan minyak di laut (**Rajah 2**). Bilangan peserta mengikut agensi/jabatan adalah seperti pada **Rajah 3**. **Lampiran 2** dan **Lampiran 3** menyatakan senarai nama peserta yang hadir.




**Rajah 1 : Bilangan Peratusan Peserta Yang Mengikuti Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan**



**Rajah 2 : Bilangan Peserta Dan Krew Kapal Yang Terlibat Dalam Latihan Mobilisasi Peralatan Di Laut**



**Rajah 3 : Analisa Penglibatan Peserta Dari Agensi Kerajaan Dan Swasta Secara Terperinci**





**Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan  
Kota Kinabalu, Sabah pada 18 hingga 22 Jun 2012**



# RINGKASAN LATIHAN HARI PERTAMA

## A) Upacara Perasmian Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan 2012

Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan 2012 Sabah telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dr. Zulkifli Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar Malaysia yang mewakili Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.



**Lampiran 4** Merupakan teks ucapan kata aluan Pengarah Alam Sekitar Negeri Sabah manakala **Lampiran 5** adalah teks ucapan perasmian ini Yang Berbahagia Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Alam Sekitar Malaysia. **Lampiran 6** menunjukkan gambar-gambar yang dirakam semasa majlis perasmian tersebut.

## B) Sesi Ceramah

### Ceramah 1 : 0915

**Tajuk** : *Overview Of The National Oil Spill Contingency Plan (NOSCP)*

**Penceramah** : YM Tengku Bakry Shah Tengku Johan, Pengarah Air dan Marin  
Jabatan Alam Sekitar Malaysia

### **Ringkasan** :

Rancangan kontingensi ini dirangka untuk mengawal tumpahan minyak meliputi semua kawasan perairan Malaysia termasuk Zon Ekonomi Eksklusif di Selat Melaka dan Laut China Selatan, Bahagian Teluk Brunei, perairan Sabah, Sarawak dan Laut Sulawesi. Ini dapat dilakukan dengan mengadakan satu sistem tindakbalas serta-merta ke atas tumpahan minyak yang berlaku, mempertingkatkan kemampuan sumber dari segi peralatan dan kakitangan sedia ada dan mengelakkan kesan buruk ke atas persekitaran. Rancangan kontingensi ini dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan beberapa faktor iaitu lokasi kejadian tumpahan, kuantiti tumpahan dan keupayaan serta kemampuan untuk bertindak. Oleh itu, rancangan kontingensi dibahagikan kepada Peringkat Pertama (Tindakan Tempatan), Peringkat Kedua (Tindakan Negeri) dan Peringkat Ketiga (Tindakan Wilayah).



## Ceramah 2 : 0945

**Tajuk** : *Marine Department's Role In Oil Spill Response: Expectations & Challenges*

**Penceramah** : En. Alimuddin Amiruddin, Ketua Penolong Pengarah Jabatan Laut Sabah

### **Ringkasan :**

*The role of Malaysia Marine Department is to provide a technical advice related to vessels involved in oil spill and to do the inspections, provide ships, staff and other facilities for oil spill operations and do an enforcement as well as taking charge in combating oil spill. There are many expectation for this department such as Malaysia is Maritime Country and have over 3450 km shore line, border country with Indonesia, Brunei Darussalam and Philippines, Marine Park in Malaysia (Sipadan, Mabul, Sapi, Tioman, Pemanggil and many more island), New development of deep water exploration especially at South China Sea, New Oil and Gas Terminal (SOGT – Kimanis), Crude Oil transfer from FPSO and Ship at high sea. However, there are so many challenge for this department such as limitation on OSR vessel and equipment, limitation on expert in operating oil spill equipment, limitation of financial fund during oil spill combating, irrelevant location of OSR equipment and also no experienced technical and scientific advisors.*



## Ceramah 3 : 1045

**Tajuk** : *OSR Recovery Equipment*

**Penceramah** : En. Nordin Abd. Hamid, PIMMAG

### **Ringkasan :**

*Oil Spill Equipment are include Oil Boom, Oil Skimmer, Mechanical Equipment, Recovery Pump Systems, Absorbent and Onshore Storage. Oil Boom is a floating barrier which is used in cleaning up spilt oil on the surface of the water. Types of Boom are Curtain Boom, Fence Boom and Shore-Sealing Boom. Types of Oil Skimmer are Oleophilic Skimmer, Weir Skimmer, Suction Skimmer, Mechanical Skimmer And Induction Skimmer. Absorbent is used to absorb oil on the surface of the water. Types of Absorbent are Pad, Boom, Roll and Pillow.*



## Ceramah 4 : 1130

**Tajuk** : *Incident Command System (ICS)*

**Penceramah** : En. M. Jasbir Khan, Petronas

**Ringkasan** :

*ICS is a model tool for 'command and control' and 'co-ordination' of a response. It is used to improve efficiency and effectiveness, improve co-ordination with other agencies and assist in managing both, small and large situations. ICS is also flexible. ICS is suitable for cases or scenarios such as oil spill response and recovery incidents, fires, HAZMAT and multi-casualty incidents, planned events (i.e. celebrations, official visits), response to natural hazards, single and multi-agency law enforcement incidents, wide-area search and rescue missions, commercial / industrial emergency management, air, rail, water, or ground transportation accidents and also pest eradication programs.*



## Ceramah 5 : 1215

**Tajuk** : *Oil Spill Modeling*

**Penceramah** : En. Lim Ze Hui, Jabatan Meteorologi Malaysia

### **Ringkasan** :

Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) bertanggungjawab memantau keadaan laut dan cuaca di perairan negara untuk memastikan keselamatan nyawa dan harta benda serta segala aktiviti marin beroperasi dengan cekap. Melalui perkhidmatan meteorologi marin, nasihat dan amaran angin kencang dan laut bergelora, amaran ketampakan rendah dan amaran ribut petir di laut akan dikeluarkan kepada pelbagai agensi maritim sekiranya keadaan diperlukan. Di antara elemen-elemen yang diukur setiap jam secara masa nyata dan dihantar melalui GPRS ialah ombak signifikan dan ombak maksimum (ketinggian, arah dan tempoh), kelajuan dan arah arus (current) dan suhu air laut. JMA-MMD *Oil Spill Model* (JMAOSM) dibangunkan di *Japan Meteorological Agency* (JMA). Mula beroperasi di JMM pada November 2010 dengan kebenaran bertulis dari pihak JMA. Simulasi dijalankan secara berkala iaitu 2 kali sebulan atau secara *ad hoc* (sekiranya ada permintaan). Tumpahan minyak dibahagikan kepada partikel-partikel dan di kategorikan kepada 50 kelompok dengan diameter tertentu (10 – 500  $\mu\text{m}$ ). Jisim setiap kelompok partikel dianggap sama. JMAOSM hanya mempertimbangkan 6 proses utama iaitu *Advection, Horizontal Diffusion, Floating of Spill Source, Vertical Diffusion and Sinking, Evaporation*, dan *Emulsification*.



## Ceramah 6 : 1400

**Tajuk** : *Environmental Sensitive Index* (ESI)

**Penceramah** : En. Sudirman bin Jais, Petronas

### **Ringkasan** :

Ceramah ini membincangkan berkaitan kawasan sensitif alam sekitar di sepanjang pantai bagi Semenanjung Malaysia dan juga Sabah dan Sarawak. Penceramah juga memaklumkan kajian terbaru bagi kawasan Pantai Timur Semenanjung meliputi dari Tumpat ke Johor Bahru yang dijalankan oleh Universiti Malaysia Terengganu dan kawasan Pantai Barat Sabah dan Sarawak dari Tanjung Datu, Sarawak ke Kudat, Sabah yang dijalankan oleh UNIMAS telah diselesaikan pada tahun 2011. Terdapat 10 kategori ESI (ESI 1 – ESI 10) yang diklasifikasikan berdasarkan kepada jenis kawasan pantai.



### **Ceramah 7 : 1430**

**Tajuk** : *Oil Spill Claims And Compensation*

**Penceramah** : En. Mohd Nazri Bin Armar, Jabatan Laut Malaysia

**Ringkasan** :

Ceramah ini membincangkan berkaitan tuntutan yang boleh dibuat oleh pihak-pihak yang terlibat akibat daripada kejadian tumpahan minyak samada bagi tujuan *preventive measure (clean up)*, *property damage*, *economic loss*, *environmental damage (restoration)* dan lain-lain. Sebarang tuntutan boleh dibuat kepada CLC 1992 (*Civil Liability Convention*) dan Fund 1992 (*Fund Convention*) menggunakan borang khas dan dimajukan melalui Jabatan Laut.



### **Ceramah 8 : 1500**

**Tajuk** : *Types Of Shoreline And Shoreline Clean Up*

**Penceramah** : En. Tang. B. N., PIMMAG

**Ringkasan** :

Ceramah ini membincangkan berkaitan jenis-jenis *shoreline* di mana terdapat 2 jenis iaitu *impermeable* dan *permeable*. Di samping itu jenis *shoreline* juga ditentukan mengikut *environmental sensitive index (ESI)* dengan mengambilkira jenis *sediment* dan *permeability*. Faktor-faktor yang perlu diambil kira untuk kerja-kerja pembersihan adalah jenis *shoreline*, faktor alam sekitar, logistik, jenis minyak, peralatan dan tenaga kerja. Penceramah juga menyentuh tentang *shoreline clean up stages* dan *clean up methods*.



### **Ceramah 9 : 1530**

**Tajuk** : *Waste Management And Disposal*

**Penceramah** : En. Rosli Osman,  
Ketua Penolong (Operasi) Jabatan Alam Sekitar  
Negeri Sabah

**Ringkasan:**

Ceramah ini membincangkan bagaimana kaedah menguruskan sisa berminyak selepas aktiviti pembersihan yang dilakukan setelah berlaku kejadian tumpahan minyak di laut. Objektifnya ialah supaya sisa berminyak ini dapat dikendali, diangkut, distor dan dilupuskan dalam keadaan selamat. Pengurusan sisa berminyak meliputi pengumpulan, pengasingan sisa, penstoran sementara, pemindahan dan pelupusan. Sisa berminyak juga dikategori sebagai buangan terjadual dan pengurusannya perlu mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.



## Ceramah 10 : 1600

**Tajuk** : *Plotting Trajectory Of Oil Slick*

**Penceramah** : En.Nordin Abd. Hamid, PIMMAG

### **Ringkasan:**

Ceramah ini membincangkan bagaimana untuk mengira arah pergerakan tumpahan minyak serta jangka masa (waktu) untuk sesuatu tumpahan itu sampai ke suatu lokasi berdasarkan maklumat awal lokasi tumpahan minyak, maklumat arah angin serta maklumat pergerakan arus laut. Pengiraan adalah dengan menggunakan 'marin chart'. Latihan pengiraan juga diberi kepada peserta.

## Ceramah 11 : 1630

**Tajuk** : *Oil Slick Quantification*

**Penceramah** : En. Foo Chee Seng, PIMMAG

### **Ringkasan :**

Ceramah ini membincangkan bagaimana untuk mengira jumlah minyak yang tumpah ke laut berdasarkan maklumat dan gambar yang diambil melalui 'aerial surveillance'. Maklumat yang berkaitan untuk mengira jumlah minyak berkenaan adalah seperti keluasan, 'slick thickness' dan kelajuan angin. Pengiraan boleh dibuat berdasarkan formula yang diberi. Latihan untuk pengiraan juga diberi kepada peserta.

**Lampiran 7** menunjukkan gambar-gambar yang dirakam sepanjang sesi ceramah.



## **C) Table Top Exercise Briefing**

Taklimat 'Table Top Exercise' disampaikan oleh En. Maarof Bin Sanif, Petronas Carigali Sdn Bhd. Latihan ini akan melibatkan Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (JKKTM/NOSCC), Jawatankuasa Operasi Negeri (JON/SOSCC), Jawatankuasa Pembersihan Pantai (JPP/BCUC), Pasukan *Controller/ Evaluator* dan Jawatankuasa *Tier 1*. Tujuan latihan kali ini juga adalah untuk menguji keberkesanan pelaksanaan *National Oil Spill Contingency Plan* (NOSCP), *Sabah Oil Spill Contingency Plan* (SOSCP) dan *Sabah Beach Clean Up Plan* (SBCP). Di samping itu adalah untuk meningkatkan koordinasi di antara agensi yang terlibat juga untuk menilai keberkesanan *Oil Spill Respond Plan* (OSRP) *Tier 1* bagi *Port of Sepanggar Bay* (PSB).



### A) Table Top Exercise

Antara objektif latihan ini adalah untuk:-

- a. Menguji rancangan tindakbalas peringkat pertama (*Tier 1*) Pelabuhan Teluk Sepangar (PSB);
- b. Menguji tindakbalas peringkat negeri (*Tier 2*);
- c. Menguji tindakbalas pembersihan pantai peringkat negeri;
- d. Menguji peyelarasan peringkat kebangsaan; dan
- e. Menguji sistem perhubungan dan tindakbalas bagi semua agensi yang terlibat dalam kawalan tumpahan minyak.

Skop latihan ini ialah melihat pelaksanaan rancangan tindakbalas atau *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi;

- a. *PSB oil spill response capability and readiness – T1*;
- b. *Sabah Oil Spill Contingency Plan – Tier 2*;
- c. *Sabah Beach Cleanup Plan (SBCP)*; and
- d. *National Oil Spill Contingency Plan – Tier 3*.

#### **Conduct of the Exercise :**

- a) *Response actions:*
  - *Shall be based on NOSCP, SOSCP and SBCP;*
  - *Players will be assigned in accordance to Incident Command System (ICS) groupings;*
  - *List down process flow – develop Response Guide;*
- b) *Players will be assisted by Facilitators / Shadow Controllers.*
- c) *Communication – to be made in accordance to specified communication protocol.*
- d) *The exercisewill be evaluated by appointed evaluators.*
- e) *Controller will provide injects to the scenario.*
- f) *Controller may provide time-out, if need be.*

### B) Senario Latihan Table Top Exercise

Pada jam 0700, 21 Jun 2012, kapal tangki MV Karambunai yang sedang belayar menuju ke Pelabuhan Teluk Sepangar telah mengalami kerosakan (*steering failure*) dan telah berlanggar dengan kapal MV Tawau Pride di lokasi lebih kurang 2.5 km Timur Pulau Sepangar. Semasa kejadian, kedua-dua buah kapal berkenaan dikemudi (*piloted*). Akibat pelanggaran ini, kira-kira 3,500 barel minyak (*bunker oil*) daripada Tangki No. 3 (*Port FO Tank*) kapal MV Karambunai telah tumpah ke laut. (Rajah 4)

Keadaan Cuaca dan Arus: Berombak dengan keadaan berangin

Kelajuan angin: Barat Laut / *North Westerly 3-10 knot*

Arus: Tenggara / *South Westerly 3 knot (slight sea and low swell)*

Kedua-dua kapten kapal telah memaklumkan Bilik Kawalan Pelabuhan Teluk Sepangar mengenai insiden ini. Latihan dimulakan pada pukul 0730 pagi.







**Rajah 4 : Lokasi Pelanggaran Kapal Dan Tumpahan Minyak**

Tinjauan udara dan pemantauan di laut mendapati minyak yang tumpah bergerak di dalam dua tompokan (Rajah 5). Tompokan minyak pertama dijangka akan masuk ke kawasan tapak perkelahan Tanjung Lipat manakala tompokan minyak yang kedua dijangka menghala ke arah Pusat Bandar Kota Kinabalu.

**Rajah 5 : Lokasi Pergerakan Tumpahan Minyak**



## C) Mobilisasi Tindakan dan Pembahagian Kumpulan

### I) Mobilisasi Tindakbalas Peringkat Pertama

Operator Bilik Kawalan Pelabuhan Teluk Sepangar membuat laporan kecemasan kepada bilik operasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah dan mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghadapi kemungkinan minyak masuk ke kawasan pelabuhan (*port limit*). Tindakbalas peringkat pertama (*Tier 1*) digerakkan disamping meminta bantuan dari Sabah Port Authority, Jabatan Dermaga Dan Pelabuhan Sabah dan operator terminal-terminal lain.



### II) Mobilisasi Tindakbalas Peringkat Kedua

JAS Negeri Sabah menerima laporan pelanggaran daripada Pelabuhan Teluk Sepangar. Siasatan awal dijalankan bersama-sama dengan Jabatan Laut Wilayah Sabah. Laporan dikemukakan kepada JAS Ibu Pejabat. Berdasarkan maklumat yang diterima, pengisytiharan tumpahan minyak Peringkat Kedua (*Tier 2*) dibuat oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar





Malaysia. JAS Negeri Sabah menggerakkan Jawatankuasa Operasi Kawalan Tumpahan Minyak Peringkat Negeri Sabah (JON) bagi menjalankan kerja-kerja kawalan tumpahan minyak di laut. Pemerintah Tempat Kejadian (*On-Scene Commander* - OSC) dilantik.

### III) Mobilisasi Jawatankuasa Pembersihan Pantai

Jawatankuasa Pembersihan Pantai Peringkat Negeri Sabah digerakkan setelah dimaklumkan oleh Pengerusi JON yang minyak berkemungkinan besar akan dibawa arus ke pantai dan kerja-kerja pembersihan diperlukan. Kerja-kerja pembersihan pantai digerakkan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), memandangkan kawasan persisiran pantai yang mungkin terjejas adalah Tanjung Lipat dan Water Front KK.



### IV) Pembahagian Kumpulan

Semua peserta dipecahkan kepada 4 kumpulan utama iaitu *National Oil Spill Control Committee* (NOSCC), *State Oil Spill Control Committee* (SOSCC), *Beach Clean-Up Committee* (BCUC) dan Jawatankuasa *Tier-1*. Manakala Pasukan *Controller / Evaluator* pula memberikan input-input tambahan daripada senario asal dan 4 kumpulan perlu memberi tindakbalas pantas terhadap input-input yang diberikan dari semasa ke semasa. Senarai peserta bagi setiap kumpulan terdapat pada **Lampiran 8 - Lampiran 12**.



## D) Laporan *Rapporteur* Setiap Kumpulan

### I) Pelabuhan Teluk Sepangar (PSB) (*Tier 1*)

Pada jam 8.33 pagi Pusat Operasi *Tier 1* (Sepanggar Port) telah menerima panggilan daripada Kapal MT Karambunai yang menyatakan bahawa mereka telah mengalami kemalangan dengan MT Tawau Pride lebih kurang 2.5 km selatan Pulau Sepanggar kerana kerosakan *steering*. Pada jam 8.40 pagi, Sepanggar Port telah menghubungi JAS berhubung dengan perkara ini. Pada jam 8.43 pagi, terima maklumat daripada MV Karambunai terdapat tumpahan minyak sebanyak 500 MT *fuel oil* dan telah memaklumkan kepada JAS. Pada jam 8.50 pagi telah menghubungi Jabatan Kaji Cuaca meminta maklumat arus dan kelajuan angin di mana keadaan cuaca berangin dgn kelajuan 3-10 *knot* dari arah utara ke barat dan arus 3 *knot* ke arah tenggara dan kedudukan lokasi tumpahan minyak pada latitud 06° 03.2" utara, longitud 116° 04.0" Timur telah dihantar kepada JAS Negeri Sabah (SOSCC) dan NOSCC.



Pada jam 9.10 pagi, Sepanggar Port telah menghubungi kapal MV Tawau Pride dan kapten kapal memaklumkan berada dalam keadaan baik dan anak kapal seramai 35 orang. Pada jam 9.12 pagi, Sepanggar Port telah menghubungi Jabatan Laut Sabah untuk bantuan dimana Jabatan Laut akan menggerakkan (*skimmer – suction skimmer*), *sealing boom*, *types of absorbent (pad, boom & pillow)* dan terus ke tempat kejadian dengan sebuah bot bersama 6 orang anak kapal. Pada masa yang sama, *Sepanggar Port Control* membuat hebahan melalui VHF *Channel 16* kepada semua masyarakat perkapalan dan kawasan sekitar, telah berlaku perlanggaran kapal tangki antara Kapal MV Karambunai dengan MV Tawau Pride pada kordinat latitud 06° 03.2" Utara, longitud 116° 04.0" Timur dan semua kapal dinasihatkan untuk menjauhi lokasi kejadian. Pada jam 9.18 pagi Sepanggar Port telah memaklumkan melalui telefon dan faks kepada Jabatan Laut Sabah dan SOSCC bahawa Pelabuhan Sepanggar *Oil Spill Team* tidak dapat menampung tumpahan minyak kerana tahap tumpahan adalah diluar kawalan.





Pada jam 9.29 pagi, Sepanggar Port telah memaklumkan kepada SOSCC melalui faks bahawa laporan kemalangan MV Karambunai mengalami kebocoran manakala MV Tawau Pride tiada kebocoran. Kuantiti tumpahahan minyak adalah sebanyak 500 MT. Kapal telah mengaktifkan SOPEP. Pada jam 9.41 pagi terima maklumat dari Jabatan Laut Sabah bahawa kapal Tanjung Klias sudah sampai ke lokasi kejadian dan menyerahkan borang serah tahap tugas Sepanggar Port kepada Jabatan Laut Sabah. Pada jam 9.47 pagi, Sepanggar Port menerima maklumat daripada Jabatan Laut bahawa mereka tidak dapat mengawal tumpahan minyak kerana peralatan tidak mencukupi dan mereka memohon sekiranya terdapat pilihan yang lain.

Pada 9.51 pagi, Sepanggar Port telah meminta PIMMAG untuk memberikan bantuan peralatan mengawal tumpahan minyak dan telah memaklumkan kepada SOSCC untuk kelulusan permohonan. Pada jam 9.56 pagi Sepanggar Port telah memaklumkan kepada SOSCC bahawa tempat simpanan minyak tumpahan telah penuh. Pada jam 10.00 pagi, OSC telah memaklumkan bahawa terdapat beberapa ekor burung dan penyu telah terkena tumpahan minyak. Pada masa yang sama Sepanggar Port telah memaklumkan kepada Jabatan Laut bahawa MT Mawar Malaysia mengadu tidak dapat merapati dermaga dan kapal menanggung tambahan kos kerana lewat beberapa jam dan seterusnya berhasrat untuk membuat tuntutan ganti rugi. Pada jam 10.21 pagi, Sepanggar Port telah memaklumkan kepada SOSCC bahawa tumpahan minyak telah menghampiri Pantai Teluk Likas. Pada 10.23 pagi, Sepanggar Port memohon bantuan kepada SOSCC untuk menghantar satu tongkang bagi penyimpanan sementara minyak tumpahan tersebut.

Pada jam 10.37 pagi Sepanggar Port telah memaklumkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri (SKN), IPD KK, Jabatan Bomba Kota Kinabalu dan Hospital Queen Elizabeth bahawa tumpahan minyak berlaku di 2.5 km selatan Pulau Sepanggar. Pada jam 10.39 pagi, Sepanggar Port telah menerima faks daripada SOSCC bahawa 2 buah 'barge' telah dihantar ke lokasi kejadian. Pada jam 10.43 Sepanggar Port memaklumkan kepada SOSCC bahawa barge telah dipenuhi dengan sisa minyak dan mohon menghubungi syarikat Petrojadi Sdn. Bhd untuk mengambil sisa minyak tersebut.





Pada jam 10.50 pagi OSC memaklumkan keadaan laut bergelora setinggi 1.5 meter. Tumpahan minyak tidak dapat dikawal menggunakan *boom*. Makluman kepada SOSCC berkaitan perkara ini. Pada jam 11.16 pagi, SOSCC memaklumkan bahawa bantuan daripada PIMMAG Labuan akan tiba dalam masa 2 jam.

Pada jam 11.21 pagi, terima panggilan OSC bahawa peralatan masih tidak mencukupi dan telah memaklumkan kepada SOSCC untuk memohon peralatan tambahan seperti 2000 m boom, 4 *power pack*, 4 *skimmer*, 5 buah *barge* & 12 buah *security boat*. Pada jam 11.28, Kapal Tanjung Klias meminta bantuan makanan untuk para krew dan memaklumkan kepada SOSCC untuk penghantaran makanan sebanyak 50 pak.

Pada jam 11.31 pagi, terima makluman daripada Kapal Tanjung Klias bahawa mereka telah dapat mengumpul sisa tumpahan minyak sebanyak 350 MT dan dijangka tumpahan minyak akan melanda Pantai Teluk Likas dengan anggaran sebanyak 150 MT. Pada 11.49 pagi, peralatan tumpahan minyak daripada kerajaan Brunei telah diterima. Makluman daripada OSC bahawa tindakan kawalan tumpahan minyak adalah terkawal dan telah menghubungi SOSCC berkaitan perkara tersebut. Pada jam 11.55 pagi, terima arahan daripada OSC untuk *stand down*. **Lampiran 13** menunjukkan kronologi '*Incident and Action Log Sheet*'.

## II) *Beach Clean Up Coordinator (BCUC)*

BCUC telah menerima laporan daripada Pengerusi Jawatankuasa Operasi Negeri mengenai kejadian tumpahan minyak di Sepanggar pada jam 8.45 pagi. Kejadian dilaporkan berlaku pada pukul 7 pagi. Sebanyak 5 tan minyak telah tumpah di lokasi tersebut. Pada 9.02 pagi telah terima panggilan daripada SOSCC dan lokasi berlaku 2.3 km daripada Sepanggar Bay. Faks dihantar ke SOSCC untuk meminta maklumat mengenai arah dan minyak dijangka tiba di Pantai Sepanggar. Pengerusi masih dalam mengenali ahli mesyuarat yang hadir sekitar jam 9.03 pagi. Setiap ahli akan memperkenalkan diri. Ini bertujuan untuk pemecahan ahli mesyuarat kepada kumpulan tertentu iaitu *Logistic Group* (DBKK dan JKR), *Operation Group* (Polis-PKTK, APMM-OSC, Kesihatan, Bomba-SCAT), *Planning Group* (JAS dan JPAS) dan *Finance Group* (JAS dan Jabatan Ketua Menteri).





Pada jam 9.16 pagi, BCUC telah menerima panggilan daripada SOSCC yang menyatakan bahawa minyak akan terdampar di Selatan Teluk Logong, Pulau Gaya. 4 Kumpulan tersebut merancang tindakan yang perlu diambil dan segera melakukan tindakan tersebut. Pihak BCUC meminta supaya SOSCC menyatakan lokasi sebenar kejadian tersebut. Kemudian, SOSCC meminta supaya BCUC hadir dalam mesyuarat.

Pengerusi memaklumkan bahawa minyak akan terdampar dalam tempoh 2 jam di Telok Melagong. UUP menghantar helikopter dan kenyataan akhbar telah dikeluarkan. Pada jam 9.52 pagi, BCUC telah menerima panggilan daripada SOSCC dan memaklumkan bahawa minyak akan terdampar dalam masa 2 jam di Teluk Likas.

Pada jam 10.05 pagi, BCUC telah menerima panggilan daripada SOSCC dan memaklumkan bahawa minyak akan terdampar di Teluk Likas di latitud  $5^{\circ}59.7'U$  -  $6^{\circ}0.9'U$  dan longitud  $116^{\circ}4.8'T$  -  $116^{\circ}6.4'T$  (Pantai berbatu sepanjang 3.6 km) iaitu di utara teluk (Taman Rekreasi) dan di selatan teluk (Pelabuhan). Pada jam 10.10 pagi, PTPP telah mengenalpasti tapak pelupusan minyak tersebut iaitu di Kayu Madang dan memaklumkan kepada SOSCC. Terdapat beberapa ekor burung telah terkena minyak dan meminta disediakan kepakaran untuk menyelamatkan burung-burung tersebut. Jabatan Hidupan Liar telah dihubungi dan akan menghantar 10 orang anggota mereka untuk melindungi dan merawat 4 ekor burung tersebut. Pengerusi menasihatkan supaya 'boom' dipasang di Sungai Likas.

Pada jam 10.15 pagi, Polis, JPA, PIMMAG, Jabatan Bomba dan Jabatan Kesihatan tiba di Teluk Likas yang bersebelahan Restoran Anjung Selera memantau kawasan pantai.



Kemudian, SOSCC memaklumkan kelulusan pelupusan buangan terjadual tidak dapat diberikan memandangkan minyak tersebut adalah buangan terjadual dan perlu dilupuskan di kawasan yang dibenarkan oleh JAS iaitu di Trinekien, Sarawak atau Kualiti Alam Sdn. Bhd, Negeri Sembilan. Pelupusan perlu mengikut kaedah pelupusan buangan terjadual dan membuat penstoran sementara yang selamat. Petrojadi Sdn. Bhd telah bersetuju melupuskan sisa buangan terjadual akibat tumpahan minyak tersebut di Trieneken, Kuching.



Pada jam 11.10 pagi, SOSCC memaklumkan bahawa minyak telah terdampar di selatan Teluk Likas dan Pihak PIMMAG akan menghantar ‘boom’ dalam masa 2 jam ke lokasi. Pengerusi meminta 30 orang pekerja daripada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu ke Teluk Likas bagi melaksanakan kerja pembersihan pantai disepanjang 3.6 km. Mohon hubungi SOSCC untuk bantuan. SOSCC memaklumkan bahawa tuntutan sebanyak RM 180,000 daripada nelayan, Unit Rekreasi DBKK, pembersihan jalan raya oleh JKR dan diuruskan oleh SOSCC. Kumpulan Kewangan BCUC telah menyatakan bahawa sumber kewangan berjumlah RM 300,000.00 akan diperolehi daripada Tabung Bencana Negeri (RM150,000.00), Tabung MKN (RM50,000.00), Tabung Kebajikan (RM50,000.00) dan lain-lain sumbangan (RM50,000.00). Manakala, kumpulan operasi BCUC pula telah menyediakan jadual operasi kerja-kerja pembersihan, pengutipan, pengumpulan dan pengangkutan sisa-sisa minyak berdasarkan bilangan orang dan peralatan yang diperlukan.



Lampiran 14 menunjukkan kronologi ‘*Incident and Action Log Sheet*’.

### III) State Oil Spill Control Committee (SOSCC)



Pada 20 Jun 2012, lebih kurang jam 08:45 pagi, Pengerusi Jawatankuasa Operasi Kawalan Tumpahan Minyak Peringkat Negeri Sabah (JON) telah menerima panggilan daripada Bilik Kawalan Pelabuhan Teluk Sepangar mengenai kejadian pelanggaran kapal MT Karambunai dengan MT Tawau Pride. Setelah menerima maklumat berhubung kejadian pelanggaran kapal, Pengerusi JON telah mengaktifkan bilik operasi untuk memantau keadaan kejadian tersebut serta memainkan peranan

diperingkat negeri bagi mengelak kelewatan dalam pengambilan tindakan susulan.



Pada jam 08.50 pagi, JON telah menerima faks daripada *Tier 1*, yang seperti dilaporkan oleh pihak kapal MT Karambunai bahawa pada jam 08.40 pagi, tumpahan minyak dan kesan terdapat di selatan Pulau Sepanggar. Manakala, pihak Pelabuhan Teluk Sepanggar pula telah menelefon bilik kawalan JON dan memaklumkan lokasi kejadian iaitu, 06° 03' 21" N, 116° 04' 00" E. Sebagai tindakan susulan ke atas maklumat awal tersebut, pihak Pelabuhan telah menghantar sebuah bot ke lokasi kejadian untuk melakukan penyiasatan awal.

Pengerusi JON telah mengaktifkan *Tier 1* pada jam 08.55 pagi serta faks yang mengandungi maklumat awal disalurkan kepada agensi-agensi Jawatankuasa Pembersihan Pantai. Perkongsian maklumat antara agensi-agensi diperolehi melalui peralatan komunikasi dan pemantauan pergerakan minyak telah dimaklumkan dari masa ke semasa.



Pada jam 09.03 pagi, JON telah menerima faks daripada *Tier 1* berhubung dengan pergerakan minyak dan kuantiti. Perlanggaran yang melibatkan 2 buah kapal tangki telah mengakibatkan tumpahan minyak dalam kuantiti yang dianggarkan lebih kurang 500 tan. Pengerusi JON telah memanggil satu mesyuarat '*Adhoc*' pada jam 09.05 pagi untuk menubuhkan jawatankuasa kecil (AJK) untuk mengendalikan aspek-aspek seperti AJK Perancangan (JAS dan JPAS), AJK Kewangan (JAS dan Jabatan Ketua Menteri), Logistik (DBKK dan JKR), Operasi (Polis-PKTK, APMM-OSC, Kesihatan, Bomba-SCAT) dan sebagainya. Mesyuarat telah membincangkan tindakan seterusnya. Berikut adalah tindakan-tindakan telah diambil seperti:

- (a) Pegawai Daerah telah diarahkan untuk mengaktifkan PTPP bagi kerja-kerja pembersihan pantai;
- (b) Pegawai dari Jabatan Laut telah diminta ke SOSCC

Setelah maklumat terkini diperolehi serta ramalan pergerakan minyak, faktor-faktor cuaca dan status tindakan *Tier 1*; Pengerusi JON telah memaklumkan kejadian perlanggaran kapal MT



Karambunai dengan MT Tawau Pride kepada Pengerusi NOSCC melalui panggilan telefon dan faks. Pada jam 09:15 pagi, SOSCC telah menerima arahan daripada NOSCC untuk menyiasat kejadian ini.

Pada jam 09.16 pagi, JON telah mengeluarkan arahan kepada PPTP untuk bertindak segera kerana minyak dijangka terdampar di Selatan Teluk Logong, Pulau Gaya. JON telah menghubungi Jabatan Laut untuk mengetahui butiran nama kapal Jabatan Laut yang terlibat dalam kerja pemantauan. **Lampiran 15** menunjukkan kronologi 'Incident and Action Log Sheet'.

#### IV) National Oil Spill Control Committee (NOSCC)

Pada 20 Jun 2012, lebih kurang 09.01pagi, Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (JKKTM) telah menerima panggilan telefon daripada Bilik Kawalan Pelabuhan Teluk Sepangar memaklumkan terdapat tumpahan minyak 2.5 km di selatan Pelabuhan Sepangar. Dianggarkan sebanyak 500 ton minyak mentah telah tumpah. Pihak pelabuhan juga dalam proses untuk melaporkan perkara tersebut kepada JAS Negeri Sabah dan Jabatan Laut Sabah. Sementara itu sebuah bot telah dihantar ke lokasi kejadian.



Pada 09.12 pagi, Pengerusi JKKTM telah menghantar fax ke JAS Negeri Sabah untuk mendapatkan pengesahan mengenai kejadian tumpahan minyak. Pada 09.15 pagi, pihak Pelabuhan Sepangar melaporkan bahawa mereka tidak dapat mengawal kes tumpahan minyak tersebut dan memohon bantuan daripada Jabatan Laut Sabah dan perkara tersebut telah dimaklumkan kepada JAS Negeri Sabah.

Pada 09.16 pagi, Pengerusi JKKTM menghubungi JAS Negeri Sabah bagi mendapatkan maklumat berhubung dengan kejadian tumpahan minyak di Pelabuhan Sepangar. JAS Negeri Sabah melaporkan bahawa kejadian tumpahan minyak berlaku di lokasi 6° 31' 21" N, 116° 04' 00" E akibat perlanggaran di antara MV Tawau Pride dan MV Karambunai menyebabkan tumpahan minyak mentah sebanyak 500 tan. Dimaklumkan juga JAS Negeri Sabah sedang menjalankan siasatan.

Pada 09.19 pagi, JKKTM terima maklumat daripada Pelabuhan Sepangar (Kumpulan Tier 1) bahawa mereka tidak dapat mengawal tumpahan minyak tersebut. Seterusnya pada 09.22 pagi, JKKTM memaklumkan Jabatan Laut untuk melantik 'On Scene Commander'. Pada 09.25 pagi, JAS Sabah diminta untuk mendapatkan bantuan Unit Udara Polis bagi meninjau, menilai dan menganggarkan keluasan tumpahan minyak serta ke mana arah pergerakannya. JAS Negeri Sabah juga diminta untuk maklumkan Pejabat Daerah bagi mengaktifkan PTPP. Pada 09.38 pagi, panggilan



daripada TV4 meminta maklumat terkini kes kejadian tumpahan minyak dan Pengerusi JKKTM memaklumkan bahawa pihak TV4 akan dihubungi semula jika maklumat lengkap diperolehi. Pada 09.40 pagi, Pengerusi JKKTM memohon maklumat awal status kes daripada JAS Negeri Sabah dan dalam masa sama juga menghubungi Pelabuhan Sepanggar untuk mendapatkan maklumat berkenaan tetapi dimaklumkan maklumat tersebut telah diberikan kepada JAS Negeri Sabah. Pada 09.43 pagi, pengerusi JKKTM menerima maklumat daripada JON supaya bersedia untuk *Tier 3* kerana minyak sedang menghampiri Pulau Gaya. Pihak JAS Negeri Sabah juga minta JKKTM mengeluarkan kenyataan akhbar berkaitan kejadian ini kerana pihak wartawan meminta maklumat berkenaan. Pada 09.46 pagi, Pengerusi JKKTM menerima panggilan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan status kes dan dimaklumkan tindakan yang JAS sedang ambil. Pihak JAS Ibu Pejabat diminta menyediakan nota makluman kepada Pejabat Menteri.

JAS Ibu pejabat meminta JAS Negeri Sabah menilai keadaan, adakah kejadian masih boleh dikawal diperingkat *Tier 2* supaya jika perlu pihak Ibu Pejabat boleh gerakan *Tier 3*. Dimaklumkan bahawa keadaan masih dalam *Tier 2* tapi minyak telah sampai ke teluk Likas dan PTPP telah diaktifkan. Dalam masa yang sama maklumat awal kejadian telah diberikan kepada wartawan TV4. Pada 09.53 pagi, kenyataan akhbar telah difaxkan kepada semua pihak media berkaitan kemalangan ini dan kes ini dalam tindakan.



Pada 09.55 pagi, JAS Ibu pejabat mohon pengesahan lokasi kejadian daripada JAS Negeri Sabah samada  $6^{\circ} 3' 21''\text{N } 116^{\circ} 04' 00''\text{E}$  atau  $6^{\circ} 31' 21''\text{N } 116^{\circ} 04' 00''\text{E}$ . KPAS membuat panggilan kepada Pengarah JAS Negeri Sabah untuk mengetahui status kejadian dan dimaklum masih dalam kawalan tapi mohon bantuan peralatan daripada PIMMAG dihantar ke lokasi kejadian. JON memohon JAS Ibu pejabat keluarkan surat tahan kapal MV Tawau Pride dan MV Karambunai.




Surat dikeluarkan kepada PIMMAG supaya menghantar peralatan kawalan tumpahan minyak ke lokasi. Maklumat daripada JON berkaitan lokasi tumpahan minyak diterima dan mohon JMM membuat trajektori lokasi tumpahan minyak tersebut. KPAS mengeluarkan surat kepada Jabatan Laut untuk menyerahkan '*detention order*' kepada pemilik kapal terbabit. Pada 10.06 pagi, Pejabat Menteri minta maklumat status kejadian dan JAS Ibu pejabat melaporkan kepada Pejabat Menteri bahawa JAS Negeri Sabah dapat mengendalikan kes ini dan situasi terkawal.

Pada 10.19 pagi, JAS Ibu pejabat menerima maklumat daripada JMM bahawa minyak akan sampai ke Pulau Gaya dan Teluk Likas pada jam 1040 pagi dan maklumat ini dimaklumkan kepada JAS Sabah dan minta '*confirmation*' berkaitan perkara ini. Pada 10.22 pagi, JAS Ibu pejabat dapat pengesahan daripada JMM bahawa semua minyak akan sampai ke Pulau Gaya dan Teluk Likas. Pada 10.25 pagi, JAS Ibu pejabat minta maklumkan adakah peralatan dan tenaga kerja telah digerakkan ke lokasi untuk pembersihan pantai, adakah *boom* telah dipasang untuk menghalang minyak mencemari pantai dan adakah memerlukan apa-apa bantuan.

Pada 10.35 pagi, JAS Ibu pejabat memaklumkan ke Pejabat Menteri situasi kejadian tumpahan minyak di bawah kawalan JAS Negeri Sabah dan sebarang perkembangan terkini boleh hubungi terus Pengarah JAS Negeri Sabah. Pihak JAS Ibu pejabat juga dimaklumkan bahawa kenyataan akhbar telah dibuat oleh SOSCC. Pada 10.40 pagi, JAS Ibu pejabat minta JAS Negeri Sabah membuat pengesahan maklumat ramalan JMM yang minyak akan sampai ke pantai jam 10.40 pagi. Pejabat Menteri minta pegawai kanan JAS memberi taklimat situasi tumpahan minyak.

Pada 10.48 pagi, JAS Ibu pejabat telah berhubung dengan JAS Negeri Sabah untuk maklumat terkini lokasi pergerakan minyak. Pada 10.49 pagi, pejabat menteri maklumkan bahawa masih tiada pegawai kanan JAS memberi taklimat. Jam 10.50 pagi, terima kebenaran dari Wisma Putra untuk membenarkan bantuan OSRL dari Singapura. Jam 10.51 pagi, pengesahan dari JAS Negeri Sabah bahawa minyak belum sampai ke pantai dan mereka telah menggerakkan PTPP. Pada 10.56 pagi, JAS Ibu pejabat maklumkan Wisma Putra bahawa keadaan terkawal dan bantuan OSRL dari Singapura tidak diperlukan.

TKP(O) memberi taklimat kepada Menteri pada jam 10.50 pagi. Pada 10.59 JAS Ibu pejabat telah menghubungi pasukan JMM memaklumkan bahawa minyak tidak sampai ke pantai pada jam 10.40 pagi, seperti diramal dan minta buat trajektori terkini. JAS Negeri Sabah maklumkan minyak telah sampai ke Teluk Likas dan sebahagian lagi menghala ke Brunei. Pada jam 11.14 pagi, JAS Negeri Sabah maklumkan bahawa tiada pergerakan minyak ke Brunei tapi memerlukan bantuan peralatan sahaja dari Brunei. KPAS telah mengarahkan JAS Negeri Sabah menggerakkan PTPP untuk



menjalankan pembersihan pantai. JAS Negeri Sabah maklumkan bahawa PTPP telah digerakkan. JAS Sabah minta KPAS menggerakkan *Tier 3* dan KPAS bersetuju dan satu mesyuarat diadakan bersama agensi di bawah RKKKTM bagi menggerakkan *Tier 3*. Pada jam 11.40 pagi, JON memaklumkan PTPP memerlukan bantuan peralatan tambahan dan mohon peralatan bantuan dari Brunei dan Sarawak. Jam 11.41 pagi, JAS Ibu pejabat menghantar surat ke Brunei melalui Wisma Putra untuk mohon bantuan peralatan kawalan tumpahan minyak dan dalam masa yang sama memaklumkan Kerajaan Brunei bahawa tumpahan minyak menghala ke perairan Brunei. Pengerusi NOSCC juga minta kerja-kerja pembersihan pantai dilaksanakan dan melaporkan status semasa. Pada 11.51 pagi, NOSCC telah bersedia untuk *stand down*. **Lampiran 16** menunjukkan kronologi '*Incident and Action Log Sheet*'.

## **E) Sesi Post Mortem**

### **I) Ulasan Setiap Pengerusi Kumpulan**

#### **i) Ulasan Pelabuhan Teluk Sepangar (PSB) (*Tier 1*)**

1. Sepanggar Port masih belum ada Pelan Tumpahan Minyak.
2. Perlu ada Pelan Tumpahan Minyak untuk semua pelabuhan di dalam negeri untuk tindakan *Tier 1*.
3. Bukan sekadar pelan, mesti termasuk dengan peralatan yang lengkap untuk *Tier 1*.

#### **ii) Ulasan Beach Clean Up Coordinator (BCUC)**

1. Operasi dan perancangan perlu menggunakan ESI.
2. PTPP Sabah, bila masa dan di mana perlu diaktifkan, pelan perlu jelas.
3. Panduan jangkaan kos, tenaga manusia perlu disediakan ('*cost estimation*').
4. Cadangan bantuan PIMMAG perlu disediakan.
5. Sediakan '*stock pile*'.
6. Latihan perlu diadakan dengan lebih kerap.
7. Latihan pelan perlu dijalankan setahun sekali untuk setiap pelabuhan, latihan hari ini memang tidak mencukupi.
8. Komunikasi maklumbalas perlu diuji dan peranan agensi masing-masing perlu dibiasakan dalam latihan.
9. Pelan dokumen perlu mesti selalu dikemaskini dari semasa ke semasa terutamanya peralatan dan perhubungan.



#### **iii) Ulasan State Oil Spill Control Committee (SOSCC)**

1. Komunikasi perlu dibaiki terutamanya senarai perhubungan.
2. Untuk latihan '*Table Top*' ini, pada permulaan, Jabatan Laut tiada dalam kumpulan SOSCC dan ia melambatkan proses dan tindakan agensi tersebut dalam Jawatankuasa.



3. Ketidakhadiran agensi penting akan menyebabkan tindakan tertentu tergendala dan melambatkan kerja melawan tumpahan minyak.

#### iv) Ulasan *National Oil Spill Control Committee (NOSCC)*

1. Informasi lambat sampai ke NOSCC sebab komunikasi perhubungan kurang berkesan.



## II) Ulasan Jawatankuasa *Controller & Evaluator*

### i) Terhadap Kumpulan (*Tier 1*)

1. Pelan *Tier 1* tidak disediakan.
2. Maklumat-maklumat awal tidak lengkap dan perlu disediakan senarai semak yang lengkap.
3. Catatan '*Data Logger*' terlalu panjang, perlu dipendekkan.
4. Maklumat yang diminta tidak disusul sama ada ia sampai ke agensi berkenaan atau orang yang sepatutnya menerima.
5. Pantau surat atau fax yang dikemukakan kepada agensi.
6. Maklumat perlu spesifik dengan nama-nama khas dan bukannya nama am.

### ii) Terhadap Kumpulan *Beach Clean Up Committee (BCUC)*

1. Pembersihan Pantai sepatutnya diketuai oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
2. Dalam latihan '*Table Top*' ini, kemudahan di bilik PTPP tidak mencukupi, perlu banyak menggunakan kemudahan ICT.



### iii) Terhadap Kumpulan *State Oil Spill Control Committee* (SOSCC)

1. Tiada pakar untuk '*trajectory*'.
2. '*On Scene Comander*' gerak dengan bagus. Maklumbalas pun bagus dan cepat.
3. Pemantauan udara perlu latihan dan mesti kompeten. Penggunaan '*Fix Wing*' tidak sesuai berbanding '*Helikopter*'.
4. Kurang peralatan ICT. Sepatutnya perlu banyak, dalam '*screen*' sepatutnya perlu ada maklumat kejadian, dalam bentuk '*Who*', '*When*', '*Where*', '*How*' perlu disediakan dalam '*screen*' dari semasa ke semasa.
5. '*Press conference room*' tidak boleh ada dalam Bilik Operasi kerana isu rahsia.
6. Dalam arahan SOSCC, *Tier 1* sepatutnya tidak boleh minta maklumat, sekiranya perlu mereka perlu ada objektif.
7. Latihan untuk mengenalpasti peranan masing-masing, kenalpasti peralatan dari mana, '*stock pile*' perlu disediakan dan dapat dari mana.
8. '*Press Confrence*'- Setiap hebahan akhbar perlu dapat kelulusan daripada Pengerusi NOSCC.

### III) Penambahbaikan Yang Dicadangkan Oleh Jawatankuasa *Controller & Evaluator*

1. '*Sabah Emergency Mutual Aid*' perlu disediakan. Agensi-agensi terlibat perlu ada inisiatif.
2. Strategi perlu untuk kawal minyak mendekati pantai kerana banyak pantai yang sensitif.
3. *Tier 3*, masa untuk buat keputusan, senario adakah perlu disediakan.
4. Kekurangan pelaporan kepada menteri – perlu lebih kerap.
5. Elemen pelaporan kepada menteri perlu diadakan di peringkat SOSCC & NOSCC.
6. Format dalam pelan dan digunakan untuk semua pelaporan supaya ia selaras.
7. '*Trajektori*'- perlu tahu parameter yang diperlukan untuk buat '*modeling*' pergerakan minyak, pengetahuan asas diperlukan.
8. Semua perlu tahu peranan masing-masing, kalau tidak ia akan menyebabkan komunikasi lambat dan mengganggu arahan pengerusi.
9. Agensi masing-masing perlu inisiatif dengan peranan masing-masing dengan jelas.
10. Dalam setiap kumpulan/ jawatankuasa, objektif & strategi perlu jelas, '*checklist*' perlu disediakan.
11. Komunikasi perlu didokumentasikan, sediakan dokumen slip bagi setiap ahli dalam jawatankuasa.
12. Siapa yang berkuasa, Menteri/SKN/Menteri Penerangan, semua perlu dijelaskan.
13. Setengah jam boleh sediakan '*holding statement*' untuk sidang akhbar.
14. Dalam pelan tindakan, ada aspek pelupusan dan perlu kenal pasti beberapa lokasi untuk pelupusan, ada kelonggaran diberi atas implikasi kos.
15. ICS memang ada dipakai, dan ada nampak '*improvement*' kalau dibanding dengan latihan sebelum ini.
16. Penggunaan '*dispersant*' tidak dibincangkan semasa latihan, adakah ia telah difahamkan bahawa kawasan kejadian adalah sensitive atau sebaliknya.
17. '*Landing point*' sisa minyak dari laut perlu dikenalpasti untuk sementara kerana muatan tongkang perlu dikeluarkan sebahagian untuk proses penggumpalan seterusnya.



18. Minyak yang boleh diguna semula perlu diguna semula, kalau kayu, tumbuhan boleh dilupuskan mengikut pelan TPP yang telah dikenalpasti dan dipersetujui awal.
19. Prosedur komunikasi perlu disediakan dengan pegawai perhubungan yang terkini.
20. Menggunakan ICT yang canggih dan kamera yang ada GPS.
21. Maklumat awal perlu ada '*first information*'.
22. Senarai sumber bekalan, peralatan, senarai semak yang lengkap perlu sediaada dari semasa ke semasa.
23. Kuasa-kuasa tertentu Wisma Putra/ NOSCC/ SOSCC/ JKM perlu jelas, siapa yang berkuasa untuk perkara apa. Peranan perlu jelas dengan kuasa untuk membuat ketetapan terakhir .



#### IV) Sesi Soal Jawab

Di antara rumusan sesi soal jawab antara peserta dengan wakil bagi Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Laut, Ketua Kumpulan Penilai *Table Top Exercise* ialah;

1. Perkara yang dibangkitkan ialah perkara yang sering berlaku iaitu koordinat yang berbeza dan tidak tepat. Perkara ini perlu diambil perhatian atau peringatan.
2. Keperluan untuk memilih orang yang pakar dalam menentukan lokasi sebenar di mana sisa minyak akan mendarat. Sebagai contohnya, semasa latihan ini, minyak dijangka akan ke kawasan Pulau Gaya tetapi telah berubah arah ke kawasan Tanjung Lipat.
3. Jabatan Laut setiap negeri perlu dibekalkan peralatan yang mencukupi kerana Jabatan Laut Sabah pada masa ini hanya mempunyai 300 meter *beach boom*. Jika berlaku tumpahan minyak yang sebenar dan melibatkan kawasan yang besar, kita terpaksa meminta PIMMAG yang berada di Wilayah Persekutuan Labuan untuk membekalkan '*beach boom*' dan memerlukan masa untuk penghantaran selama 2 jam.
4. Kategori Kawasan Sensitif perlu diwujudkan seperti Kawasan Pelabuhan, Kawasan Pantai dan Kawasan Taman Laut Sabah supaya tindakan dapat dirancang ketika berlakunya kes tumpahan minyak.



Lampiran 17 menunjukkan gambar-gambar dirakam semasa sesi latihan Table Top.

#### F) *Deployment Exercise Briefing*

Taklimat bagi Latihan Mobilisasi Peralatan disampaikan oleh En. Mohd Shamsol Farid Mohd Omar, Jabatan Laut Sabah. Tujuan latihan adalah untuk menguji koordinasi setiap agensi dalam kawalan tumpahan minyak, mendedahkan peserta latihan kepada aktiviti sebenar penggunaan dan kemudahan peralatan melawan tumpahan minyak dan menguji komunikasi. Kumpulan utama dalam latihan adalah seperti pada *Table Top Exercise* Sebanyak 10 buah kapal, sebuah pesawat udara (*Fix Wing* - Pasukan Gerakan Udara) akan terlibat dalam latihan kali ini. Saluran komunikasi juga diterangkan dan latihan adalah bagi menguji sehingga ke tahap *Tier 3*. Tujuh biji buah limau bali yang diwarna merah diguna sebagai ganti minyak mentah.



# RINGKASAN LATIHAN HARI KETIGA

## A) *Deployment Exercise*

Latihan bagi mobilisasi peralatan ‘oil spill response (OSR)’ dijalankan dengan menggunakan 4 buah kapal (*boom*, *skimmer* dan penyembur *dispersant*), 6 buah kapal pemerhati dan sebuah *Fix Wing* (pemantauan udara).

Agensi yang akan terlibat dalam latihan ini adalah Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Laut Sabah, Sarawak dan Labuan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Pasukan Gerakan Udara – PDRM, Pasukan Gerakan Marin – PDRM, Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah, Taman-Taman Sabah, Sabah Shell Sdn. Bhd., Sepanggar Bay Oil Terminal dan Jabatan Bomba Dan Penyelamat.



Kawasan latihan ialah di Teluk Sepanggar di mana tumpahan minyak mentah dianggar sebanyak 100 tan akibat daripada perlanggaran sebuah kapal tangki dengan sebuah kapal tunda ketika keluar daripada *Sepanggar Bay Oil Terminal* (SBOT). Peralatan kawalan tumpahan minyak yang akan terlibat dalam latihan kali ini adalah seperti berikut;

42 KW Power Pack



Temporary Storage Tank



*Discharge Hose*



*Desmi Terminator Skimmer*



*RO-Clean Inflatable Boom– 200 meter*



*Hopper*



*RO-Clean Inflatable Boom– 200 meter*




*Hopper*



## B) *Senario Deployment Exercise*

Pada jam 08.20 pagi, 21 Jun 2012, sebuah kapal MT Karambunai telah mengalami kerosakan *steering* dan telah berlanggar dengan sebuah kapal AHTS Tawau Pride di lokasi latitud  $06^{\circ} 03.710' N$  Longitud  $116^{\circ} 05.544' E$  dalam kawasan perairan Teluk Sepanggar. Kesan daripada kemalangan tersebut telah menyebabkan kebocoran kepada *FO Tank No. 3*. Sebanyak 100 tan minyak dari jenis *FO* telah tumpah ke laut.



**Rajah 6 :** Kawasan *Deployment Exercise*

Keadaan cuaca dan arus: Cerah dan tidak berombak dengan keadaan berangin

Kelajuan angin: Barat Laut / *North Westerly 2 knot*

Arus: Tenggara / *South Westerly 2 knot (slight sea and low swell)*

Kedua-dua Kapten kapal telah memaklumkan Bilik Kawalan *Sepanggar Bay Oil Terminal* (SBOT) mengenai insiden ini. Latihan dimulakan pada pukul 0825 pagi. Kerja-kerja melawan tumpahan minyak perlu dijalankan segera di laut bagi mengelakkan berlaku pencemaran di pantai atau pulau-pulau berhampiran.



## C) Mobilisasi Tindakan Dan Pembahagian Kumpulan

### I) Mobilisasi Tindakbalas Peringkat Pertama

Operator Bilik Kawalan *Sepanggar Bay Oil Terminal* (SBOT) membuat laporan kecemasan kepada bilik operasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah dan mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghadapi kemungkinan minyak masuk ke kawasan pelabuhan (*port limit*). Tindakbalas



peringkat pertama (*Tier 1*) digerakkan disamping meminta bantuan dari Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah, Jabatan Dermaga Dan Pelabuhan Sabah dan operator terminal-terminal lain.



## II) Mobilisasi Tindakbalas Peringkat Kedua

JAS Negeri Sabah menerima laporan pelanggaran daripada (Bilik Kawalan SBOT). Siasatan awal dijalankan bersama-sama dengan Jabatan Laut Wilayah Sabah. Laporan dikemukakan kepada JAS Ibu Pejabat. Berdasarkan maklumat yang diterima, pengisytiharan tumpahan minyak Peringkat Kedua (*Tier 2*) dibuat oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. JAS Negeri Sabah menggerakkan Jawatankuasa Operasi Kawalan Tumpahan Minyak Peringkat



Negeri Sabah (JON) bagi menjalankan kerja-kerja kawalan tumpahan minyak di laut. Pemerintah Tempat Kejadian (*On-Scene Commander- OSC*) dilantik iaitu Jabatan Laut Sabah.

## III) Pembahagian Kumpulan

Semua peserta dipecahkan kepada 11 kumpulan utama mengikut jenis kapal iaitu Kapal Tanjung Trang (*OSR Vessel*), Kapal Tanjung Aru, Kapal KM Ikhlas, Adahara, Pilot, Pasukan Gerakan Udara (*Fix wing*), Padas Dua, Padas Tiga, Taman Sabah 1, Taman Sabah 2, dan Kapal Ajang Madina. Senarai nama peserta bagi setiap kumpulan seperti di **Lampiran 18**.

**Lampiran 19** Menunjukkan gambar-gambar semasa *Deployment Exercise*

### D) Ulasan *Deployment Exercise* oleh Jabatan Laut Sabah.

Rujuk *Action Log Sheet Deployment Exercise* oleh Jabatan Laut Sabah di **Lampiran 20**.

### E) Sesi Soal Jawab

Antara rumusan hasil sesi soal jawab antara peserta dengan wakil bagi Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Laut, APMM dan Petronas Carigali ialah;

1. Penggunaan sumber manusia secara optima diantara Kapal Adahara dan Kapal Anjung Trang membolehkan kita menggunakannya sebagai *Containment and Recovery Unit*. Kapal Anjung Trang dapat mengerakkan 300 meter *boom* dengan menggunakan hanya 10 orang krew dan setiap orang tahu tugas masing – masing. Dengan cara ini, kita dapat mengoptimalkan penggunaan sumber manusia.
2. Komunikasi melalui radio diantara *On Scene Commander* dan SOSCC perlu dimantapkan. Ini dapat memudahkan *On Scene Comander* menyampaikan maklumat kepada SOSCC dan seterusnya kepada NOSCC. Oleh itu, kursus kepada pegawai – pegawai yang tiada terlibat dengan aktiviti marin perlu untuk mengetahui protokol atau prosedur penggunaan VHF dan HF radio.



3. Semasa latihan didapati beberapa orang peserta/krew yang tidak mempunyai PPE yang lengkap telah berada di bahagian 'deck' kapal. Sebagai langkah keselamatan hanya mereka orang yang memakai PPE yang lengkap sahaja yang dibenarkan berada di bahagian deck kapal dan pegawai keselamatan perlu dilantik untuk situasi seperti ini
4. Pesawat ringan PGU tidak menyumbangkan apa – apa peranan pada latihan hari ini. Ini kerana tiada perhubungan melalui radio dilakukan. Pesawai ringan sepatutnya memainkan peranan untuk mendapatkan kedudukan, keluasan dan pergerakan minyak di laut.
5. Untuk 'Table Top' latihan tumpahan minyak yang akan datang, ianya boleh dibuat di tempat masing-masing seperti NOSCC di Putrajaya, SOSCC di pejabat peringkat negeri dan *On Scene Comander* di Bilik Kawalan. Dengan cara itu, kos pengendalian dapat dijimatkan kerana ianya dijalankan di pejabat masing-masing.
6. Kerjasama antara krew-krew di atas kapal pada hari ini adalah amat baik. Walau bagaimanapun, apabila ada pengagihan tugas di atas kapal, kita perlukan seorang Ketua Pasukan. Ketua Pasukan ini bertanggungjawab mengagihkan tugas kepada krew-krew yang berada di atas kapal dan orang yang akan berkomunikasi dengan *On Scene Commander*. Malang sekali ini tidak terjadi di atas kapal pada hari ini.



## F) Majlis Penutup

Pada malam hari ketiga latihan, upacara majlis penutup latihan diadakan yang disempurnakan oleh Yang Berbahagia Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. Pada majlis tersebut juga, Yang Berbahagia Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia sudi menyampaikan sijil penyertaan kepada semua peserta.

**Lampiran 21** merupakan ucapan penutup latihan oleh Yang Berbahagia Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

**Lampiran 22** merupakan gambar dirakam semasa majlis penutupan dan **Lampiran 23** menunjukkan contoh sijil penyertaan.



## RINGKASAN PENILAIAN KURSUS OLEH PESERTA


Borang penilaian kursus adalah seperti di **Lampiran 24**. **Rajah 7** di bawah menunjukkan peratusan ilmu pengetahuan para peserta mengenai tumpahan minyak selepas latihan ini dijalankan. Terdapat 6 peratus daripada peserta telah menjadi pakar.



**Rajah 7 : Statistik Maklumbalas Borang Penilaian Kursus/Latihan.**

**Rajah 8** di bawah menunjukkan penilaian peserta yang majoriti meletakkan nilai *Good* mengenai pelaksanaan dan pengendalian latihan *Table Top Exercise* dan *Deployment Exercise*. Manakala, peratusan nilai '*Excellent*' masing-masing 25% dan 38%.

**Rajah 9** di bawah menunjukkan majoriti kepuasan peserta adalah *Good* dan *Excellent* dan tiada nilai *Poor* mengenai semua perkhidmatan dan kemudahan sepanjang latihan ini dijalankan. Bagi kategori *Accommodation*, 6% peserta meletakkan '*Satisfactory*' dan 75% adalah '*Excellent*'.



**Rajah 8 : Penilaian Peserta Bagi Table Top Exercise.**



**Rajah 9 : Penilaian Peserta Bagi Perkhidmatan Dan Kemudahan Latihan**



## SEKALUNG PENGHARGAAN

Jawatankuasa Pelaksana ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada :

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar  
Jabatan Laut Malaysia  
Jabatan Laut Wilayah Sabah  
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia  
Pasukan Gerakan Udara, PDRM  
Pasukan Gerakan Marin, PDRM  
PETRONAS Sabah Sdn. Bhd.  
SHELL Malaysia Sdn. Bhd.  
PIMMAG  
Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) Sabah  
Sabah Port Authority  
Teluk Sepanggar Port Sdn. Bhd.  
Taman-Taman Sabah  
Lembaga Pelancongan Sabah  
Penceramah-Penceramah Kursus  
Sutera Harbour Hotel, Sabah  
Media Akhbar

dan kepada semua yang telah menyumbang, menyokong dan membantu dalam menjayakan Latihan Melawan Tumpahan Minyak Peringkat Kebangsaan 2012 di Negeri Sabah.



# Senarai Lampiran



# SENARAI LAMPIRAN

<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Lampiran 1</b> - Jawatankuasa-Jawatankuasa Yang Dibentuk	56
<b>Lampiran 2</b> - Senarai Nama Peserta Bagi Agensi Luar	61
<b>Lampiran 3</b> - Senarai Peserta Dari Jabatan Alam Sekitar	63
<b>Lampiran 4</b> - Kata-Kata Aluan Pengarah Jabatan Alam Sekitar Sabah	65
<b>Lampiran 5</b> - Ucapan Perasmian Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Alam Sekitar Malaysia	68
<b>Lampiran 6</b> - Gambar-Gambar Yang Dirakam Semasa Majlis Perasmian Dan Makan Malam	72
<b>Lampiran 7</b> - Gambar-Gambar Yang Dirakam Semasa Sesi Ceramah	73
<b>Lampiran 8</b> - Senarai Ahli Jawatankuasa <i>Controller &amp; Evaluator</i>	74
<b>Lampiran 9</b> - Senarai Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (JKKTM)	74
<b>Lampiran 10</b> - Senarai Ahli Jawatankuasa Operasi Negeri (JON)	75
<b>Lampiran 11</b> - Senarai Ahli Jawatankuasa Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) <i>Beach Clean Up Committee</i>	76
<b>Lampiran 12</b> - Senarai Jawatankuasa <i>Tier 1</i>	76
<b>Lampiran 13</b> - Kronologi <i>Incident And Action Log Sheet</i> : Jawatankuasa <i>Tier 1</i>	77
<b>Lampiran 14</b> - Kronologi <i>Incident And Action Log Sheet</i> : Jawatankuasa Pelan Tindakan Pembersihan Pantai	80
<b>Lampiran 15</b> - Kronologi <i>Incident And Action Log Sheet</i> : Jawatankuasa Operasi Negeri (JON)	82
<b>Lampiran 16</b> - Kronologi <i>Incident And Action Log Sheet</i> : Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak	87
<b>Lampiran 17</b> - Gambar-Gambar Yang Dirakam Semasa Latihan <i>Table Top</i>	92
<b>Lampiran 18</b> - Pembahagian Kumpulan <i>Deployment Exercise</i>	95
<b>Lampiran 19</b> - Gambar-Gambar Yang Dirakam Semasa <i>Deployment Exercise</i>	100
<b>Lampiran 20</b> - Kronologi <i>Incident And Action Log Sheet</i> : <i>Deployment Exercise</i> Oleh Jabatan Laut Sabah	103
<b>Lampiran 21</b> - Ucapan Penutupan Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia	104
<b>Lampiran 22</b> - Gambar-Gambar Yang Dirakam Semasa Majlis Penutupan	107
<b>Lampiran 23</b> - Sijil Penyertaan	109
<b>Lampiran 24</b> - Borang Penilaian Keseluruhan Peserta Latihan	110



# Lampiran 1

## JAWATANKUASA-JAWATANKUASA YANG DIBENTUK

### Jawatankuasa Pemandu

#### Pengerusi

Puan Halimah Bt. Hassan  
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

YM Tengku Bakry Shah Tengku Johan	Bhg. Air dan Marin, JAS Ibu Pejabat
Tuan Hj. Abdul Razak Hj. Abdul Manap	JAS Negeri Sabah
En. Mohd. Fairoz Rozali	Jabatan Laut Malaysia
En. Mohd. Arma Noramin	Jabatan Laut Malaysia
En. Mohd. Shamsul Farid Mohd. Omar	Jab. Laut Wilayah Sabah
Kapten (M) Robert Teh Geok Chuan	APMM
ACP Zahari Ahmad	Polis DiRaja Malaysia
ASP Ras Nazrin	Polis DiRaja Malaysia
Lt. Kdr. Mohd. Shahidan Ahmad	Tentera Laut DiRaja Malaysia
PPjB Morni Mamat	Jab. Bomba dan Penyelamat
